

Kilang aluminium besar ertinya bagi Perak – MB

UM 31/10/2003 - 30 PRECISE

ADA pihak yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kekal sebagai pemimpin tertinggi selama 22 tahun kerana dia seorang autokratik dan diktator.

Wartawan Utusan Malaysia, BORHAN ABU SAMAH menemubual Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali yang lama berkhidmat dengan Dr. Mahathir dan meninjau pandangan beliau secara peribadi mengenai Perdana Menteri.

Soalan: Bolehkah Datuk Seri komen tentang persaraan Perdana Menteri akhir bulan ini?

Mohd Tajol Rosli: Sebenarnya kita kehilangan seorang negarawan, saya rasa bangga dan gembira kerana Dr. Mahathir melepaskan semua jawatan di dalam parti dan juga kerajaan dan dalam keadaan beliau masih diperlukan negara.

Sebagai seorang yang dilantik beberapa jawatan dan berkhidmat di bawah beliau, saya rasa bangga kerana selalu kita melihat pemimpin dunia mereka tidak meletakkan jawatan, sebaliknya kadang-kadang mereka kalah pilihan raya dan ada setengah nasib kurang baik lagi, mereka dihalau dari pejabat. Tetapi Dr. Mahathir, beliau meletakkan jawatan sebenarnya tahun lalu, tetapi di atas desakan ahli parti dan rakyat beliau terus memegang jawatan selama setahun hingga akhir bulan ini.

Saya amat gembira beliau melepaskan jawatan semasa khidmat masih diperlukan ini bukan senang untuk dirancang dan ia juga satu tuah serta nasib yang paling baik.

Soalan: Ada pihak yang mengatakan Dr. Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun kerana beliau seorang pemimpin autokratik dan diktator.

Mohd Tajol Rosli: Insiden yang saya ingat ialah pada tahun 1977 sewaktu beliau mengambil alih tugas sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak dan beliau seorang yang cukup demokratik.

Pada tahun itu beliau hendak melantik jawatan-jawatan utama UMNO Perak dan semua jawatan telah dipertandingkan.

Termasuk jawatan Setiausaha Perhubungan dan ketika itu kita telah pilih Datuk Khalid Nasir.

Bila saya dicalonkan untuk menjadi Pengerusi Biro Ekonomi Negeri Perak, masa itu saya hanya Naib Ketua Pemuda UMNO Negeri Perak jadi saya tidak mahu pegang



MOHD TAJOL ROSLI

jawatan itu.

Ini adalah kerana apabila genap umur saya 40 tahun saya tidak boleh pegang jawatan lagi dan saya tersilap cakap dengan mengatakan tak apalah saya jadi ahli dahulu, saya ini belajar dan beliau (Dr. Mahathir) bagi saya belajar lima tahun kerana apabila ada orang suruh saya pegang jawatan beliau kata biarlah dia belajar.

Ini bermakna dengan Dr. Mahathir bila beliau nak kita pegang jawatan kita mesti pegang jawatan itu, jika kita tolak dan kata kita nak belajar beliau akan pegang kata-kata kita.

Jadi saya kena belajar selama lima tahun sebagai barisan penyokong kerajaan.

Di Kementerian Dalam Negeri saya diberi kebebasan menjalankan tugas sepenuhnya dan seolah-olah beliau 'lepas tangan', tetapi kadang-kadang beliau tegur bila kita buat silap dan selalu periksa.

Ketika menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya dibenarkan mengeluarkan lesen senapang patah tetapi lesen pistol beliau pegang, saya akhirnya tidak berani keluar lesen senapang patah hingga walaupun satu.

Lesen pistol saya kena minta kelulusan beliau, selama saya di dalam kementerian itu hanya satu lesen pistol yang dikeluarkan, ini bermakna Dr. Mahathir seorang yang sangat tegas dan berhati-hati.

Saya ingat lagi ketika itu kita ada masalah tentang pembantu rumah asing, beliau kata tidak lagi boleh ambil pembantu rumah asing dan pengambilannya dibekukan.

Bagaimanapun setelah banyak pihak membuat Dr. Mahathir longgarkan balik.

Ada juga orang yang meminta membekukan pengambilan pekerja asing untuk mengatasi masalah ketiadaan pekerjaan rakyat Malaysia, tetapi apabila kita bekukan pengambilan pekerja asing, ladang kita di Malaysia rugi RM1 bilion kerana tidak ada pekerja yang nak petik buah kelapa sawit.

Beliau akan dengar pandangan kita tetapi beliau tahu pandangan itu tidak semestinya betul, tetapi beliau ikut dahulu dan beliau tahu bahawa tidak lepas itu kita akan tukar fikiran. Dr. Mahathir seorang pemimpin yang berpandangan jauh.

Soalan: Ada pihak yang mengatakan Dr. Mahathir seorang yang autokratik dan diktator, bagaimana dengan pandangan Datuk Seri?

Mohd Tajol Rosli: Saya hadir mesyuarat-mesyuarat menteri besar dan pasca kabinet yang beliau pengurusan dan beliau seorang pemimpin yang cukup demokratik.

Bagaimanapun jika kita hendak beri pandangan, pandangan kita itu mestilah ditapis banyak kali, sebab jika tidak ditapis dan dibuktikan salah, dan apabila kita buat silap beliau tidak boleh maafkan begitu sahaja beliau kena komen juga dan komen itu kadang-kadang agak pedas.

Sebenarnya beliau bukan autokratik atau diktator tetapi apabila kita bagi pandangan kita takut sebab kalau silap beliau akan komen, akhirnya orang tidak berani beri komen, diam sahaja, ada juga yang berani bagi pandangan dan ada yang diterima dan tidak semua ditolak.

Kita takut bagi pandangan takut silap,

bukan kerana beliau tidak tidak berhati perut langsung tetapi beliau begitu cepat dan tajam pemikirannya.

Contohnya, ketika saya berdiri di belakang dia pada satu majlis, jadi kita melawak, saya bagi tahu kepada beliau Datuk Seri 'we are standing solidly behind you', beliau boleh pusing balik dan berkata 'how solid'.

Baru-baru ini kita di United Kingdom ada seorang tanya kepada Perdana Menteri ketika itu Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush hendak berucap pada Bangsa-Bangsa Bersatu, apakah nasihat yang hendak diberikan kepada Bush.

Jawab Dr. Mahathir 'We are living in democratic world, he is entitled to his opinion and I have my own', makna beliau nak cakap-cakap tetapi hak beliau (Dr. Mahathir) juga untuk komen, itulah Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir juga selalu keluar dalam akhbar menghadiri perkahwinan pengawal peribadi, tukang kebun dan beliau mempunyai masa untuk perkahwinan pekerja dan anak-anak pekerja.

Soalan: Bagaimana hubungan Negeri Perak dengan Dr. Mahathir?

Mohd Tajol Rosli: Bagi Perak, sumbangan terbesar ialah beliau meluluskan pembinaan kilang aluminium di Perak walaupun sebenarnya telah ditolak oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Ini adalah kerana pada tahun 1999 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri keluaran kebenaran untuk membina kilang aluminium di Perak dan surat daripada Jabatan Bekalan Elektrik (JBE), jika projek itu tidak menguntungkan kerana harga elektrik tinggi, mereka dibenarkan untuk menjanakuasa sendiri.

Jadi pada tahun sudah apabila EPU mengatakan projek ini tidak dibenarkan, mereka (pelabur) buat rayuan kepada Dr. Mahathir dan melihatkan surat daripada kementerian dan JBE pada tahun 1999, beliau telah membatalkan keputusan itu.

Ini adalah kerana kita telah membuat komitmen dan pelabur berkenaan mengeluarkan belanja membuat kajian.

Kita benarkan pada tahun 1999 takkan hendak tolak pada tahun 2002, walaupun satu lagi kilang aluminium diwujudkan di Bintulu, Sarawak.

Beliau juga bersetuju membina Taman Bunga Negara di Hulu Slim, Proton City di Behrang dan kereta pertama akan dikeluarkan dari kilang Proton itu November ini.

Beliau juga luluskan dua marina di Lumut dan banyak lagi projek lain tetapi inilah yang terbesar.